

## BAB 2

# BACAAN AL-QUR'AN MENURUT QIRAA'AT NAFI'

## BACAAN AL-QUR'AN MENURUT QIRĀ'AT NĀFI'

### 2.1 Pengenalan

Al-Qur'an sebagai kitab wahyu yang diturunkan Allah kepada umat Nabi Muhammad s.a.w. adalah merupakan sebuah kitab yang merangkumi segala aspek kehidupan. Panduan-panduan dan hukum-hukum di dalamnya bukan hanya terpakai pada zaman ia diturunkan malah tetap sesuai dan segar sepanjang masa.

Antara keistimewaan al-Qur'an berbanding dengan kitab-kitab samawi lain ialah dari sudut bacaannya. Al-Qur'an terkenal dengan seni bacaannya yang tinggi serta seni lagunya yang indah dan memikat.

#### 2.1.1 Definisi Al-Qur'an

##### 2.1.1.1 Daripada Segi Bahasa

Ulama telah berselisih pendapat dalam memberi definisi al-Qur'an serta asal perkataannya menurut bahasa. Mereka juga berbeza pendapat dari segi perkataan Qur'an itu dengan *hamzah* (*qur'ān*) atau tanpa *hamzah* (*qurān*).

Al-Imam al-Suyūtī dalam kitabnya *al-Itqān*<sup>13</sup> menyatakan bahawa al-Qur'an adalah satu kata nama khas yang tidak diambil dari perkataan

<sup>13</sup> Jalāl al-Dīn al-Suyūtī (1987), *Al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Beirut : al-Maktabah al-'Aṣriyyah, h. 143

lain dan ia dibaca tanpa *hamzah*. Bacaan ini sama dengan Qirā'at Ibn Kathīr.<sup>14</sup>

Menurut kamus *Al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī* ia adalah *kalāmullāh* yang diturunkan ke atas RasulNya Muhammad (S.A.W) yang ditulis di dalam bentuk *muṣḥaf*. Pengarang menggunakan ayat berikut sebagai dalil.<sup>15</sup>

إِذَا أَذْنَتْهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Pendapat kedua mengatakan al-Qur'an adalah *māṣdar* bagi perkataan *Qara'a* (قرأ) القراءة وقرءانا dengan maksud membaca. Menurut kamus *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, ia merupakan *māṣdar* kepada perkataan *qara'a* (قرأ) sama seperti *qirā'ah* yang bermaksud membaca, samada bacaan secara kuat atau senyap. Pengarang memberikan maksud (*qur'ānah*) dalam ayat <sup>16</sup> فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ sebagai *qirā'atuh* iaitu bacaannya.<sup>17</sup>

Qur'an juga merupakan *māṣdar* bagi perkataan (قرأ) القراء وقرءانا dengan maksud kumpulan atau himpunan.<sup>18</sup>

<sup>14</sup> Muhammad Sālim Muḥayṣin (1997). *al-Īrsyādāt al-Jalīyah fi al-Qirā'at al-Sab' min Ṭarīq al-Svātibiyah*. Kaherah : al-Maktabah al-Azharīyah li al-Turāth, h. 55

<sup>15</sup> Prof. Dr. Ahmad Mukhtār 'Umar et. al. (t.t), *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. Mesir : Jāmi'ah al-Dual al-'Arabiyyah : al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulūm, t.c., h. 975

<sup>16</sup> Surah al-Qiyamah : 18

<sup>17</sup> Ibrāhīm Muṣṭafā et. al (1985). *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, cet.3, j.2. Kaherah : Syarikah al-I'lānāt al-Syarqiyah, h.750

<sup>18</sup> *Ibid.*

### 2.1.1.2 Daripada Segi Istilah

Mannā' al-Qaṭṭān memberikan takrif al-Qur'an dari segi istilah sebagai kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad dan membacanya adalah satu ibadah.<sup>19</sup> Dr.Şubḥī al-Šāliḥ pula menyatakan bahawa takrif al-Qur'an yang telah disepakati oleh ulama usul, fekah dan ulama bahasa ialah kalam Allah yang menjadi mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad, yang ditulis di dalam mushaf, dipindahkan dan diterima secara mutawatir dan membacanya merupakan ibadah.<sup>20</sup>

Penulis berpendapat takrif yang terbaik ialah takrif Dr.Şubḥī al-Šāliḥ tetapi dengan tambahan pada akhir takrif tersebut "...yang dimulai dengan surah al-Fatiḥah dan diakhiri dengan surah al-Nās."

Kesimpulannya perkataan al-Qur'an adalah *māṣdar* kepada perkataan *qara'a* (قراءة وقرءانا) dengan *hamzah* dan bacaan Qirā'āt Ibn Kathīr dengan *Qurān* tanpa *hamzah* adalah untuk meringankan bacaan (*takhfīf*).<sup>21</sup>

### 2.1.2 Jenis-jenis bacaan Al-Qur'an

Bacaan al-Qur'an walau apapun jenisnya tidak dapat lari dari bacaan secara bertajwid yang lengkap dengan *makhrāj* dan sifat huruf serta *waqf* dan *ibtidā'*nya secara sempurna. Dalil ayat :

surah al-Muzzammil : 4.

<sup>19</sup> Mannā' al-Qaṭṭān (1988), *Mabāhith fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Riyad : Maktabah al-Ma'ārif, c. 8, h. 21

<sup>20</sup> Dr.Şubḥī al-Šāliḥ (1990), *Mabāhith fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Beirut : Dār al-'Ilmi li al-Malāyīn, c. 18, h. 21

<sup>21</sup> Rujuk glosari

Secara umumnya, bacaan al-Qur'an ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu :

- i. Mengikut jenis bacaan ; samada bacaan al-Qur'an (biasa) atau bacaan menurut *qira'at*.<sup>22</sup>
- ii. Mengikut rentak bacaan ; samada bacaan *murattal* atau bacaan *mujawwad* atau dikenali juga dengan bacaan berlagu.

#### *2.1.2.1 Bacaan al-Qur'an cara biasa*

Ia adalah bacaan al-Qur'an yang dibaca menurut bacaan penduduk setempat. Sebagai contohnya rakyat di Malaysia dan Arab Saudi membaca al-Qur'an dengan menggunakan *Riwāyāt Hafṣ 'an 'Aṣim* maka apabila disebut bacaan al-Qur'an, ia adalah bacaan yang biasa dibaca oleh kebanyakan orang.

#### *2.1.2.2 Bacaan qira'at*

Ia adalah sejenis bacaan al-Qur'an mengikut kaedah bacaan yang tertentu berdasarkan *riwāyāt* atau *tariq* di dalam *qirā'āt mutawātirah* sahaja. Ia boleh dibaca secara *jifrād*<sup>22</sup> atau secara *jam*.<sup>23</sup> Dari segi amalan bacaan qira'at biasanya dimaksudkan dengan bacaan al-Qur'an selain daripada *Riwayat Hafṣ 'an 'Aṣim*.

Pada pendapat penulis penggunaan istilah bacaan al-Qur'an untuk *Riwāyāt Hafṣ* di atas adalah kurang tepat. Tidak sepatutnya dibezakan

---

<sup>22</sup> Rujuk glosari

<sup>23</sup> Rujuk glosari

riwāyāt Ḥafṣ dengan riwayat lain kerana ia juga sebahagian daripada qira’at.

### 2.1.2.3      *Bacaan murattal*

Secara umumnya bacaan *murattal* ialah bacaan yang menepati hukum-hukum tajwid dan meliputi kesemua jenis bacaan al-Qur'an seperti *tahqīq*, *hadar* dan *tadwīr* tanpa *tarannum*.

Ia juga disebut sebagai satu bacaan dengan perlahan dan tertib, ia tidak digunakan untuk belajar (ia adalah khusus untuk mereka yang sudah mahir membaca al-Qur'an), disertai dengan *tadabbur* pada makna serta penjagaan terhadap hukum-hukum.<sup>24</sup>

Ada setengah pendapat mengkategorikan *murattal* sebagai salah satu dari jenis bacaan manakala ada pendapat yang meletakkannya selepas *tahqīq* (iaitu di tahap kedua dari segi kepantasan).<sup>25</sup>

Penulis berpendapat bacaan *murattal* ialah bacaan terbaik sebagaimana bacaan Rasulullah iaitu dengan perlahan dan penuh *tadabbur* tanpa lagu ataupun *tarannum* kerana jenis-jenis *tarannum* yang ada kini tidak wujud pada zaman awal turunnya al-Qur'an.

<sup>24</sup> Ahmad Mahmūd ‘Abd al-Samī‘ al-Ḥafayān (2001), *Asyhar al-Muṣṭalaḥāt fi Fann al-Adā‘ wa ’Ilm al-Qirā’āt*, Beirut : Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah, h. 159

<sup>25</sup> Muḥammad ‘Isām Muflīḥ al-Quḍāh (1995), *al-Wādīh fi Aḥkām al-Tajwīd*, Jordan : Dār al-Nafā’is, h. 9

### 2.1.2.3.1 Jenis-jenis bacaan mengikut kepentasan<sup>26</sup>

1. Bacaan *tahqīq* : ialah bacaan yang dibaca secara perlahan dan tenang, penuh *tadabbur* serta menjaga hukum-hukum tajwid. Bacaan ini sesuai untuk mereka yang baru mempelajari al-Qur'an.
2. Bacaan *hadar* : ialah bacaan yang cepat serta menjaga hukum-hukum tajwid.
3. Bacaan *tadwīr* : ialah bacaan yang sederhana iaitu antara *tahqīq* dan *hadar* serta menjaga hukum-hukum tajwid.

Kesimpulannya bacaan yang terlalu cepat (di bawah *hadar*) tanpa tajwid adalah bacaan yang tidak diterima walaupun ia diamalkan ramai orang.

### 2.1.2.4 Bacaan *mujawwad* atau berlagu.

Dilihat dari segi makna *mujawwad* bermaksud dibaca dengan bertajwid tetapi menjadi amalan kini *mujawwad* adalah sejenis bacaan al-Qur'an secara berlagu atau tarannum<sup>27</sup>.

### 2.1.2.4.1 Jenis-jenis lagu<sup>28</sup>

1. *Bayāti*

2. *Raṣd*

3. *Sīkah*

<sup>26</sup> *Ibid.*, h.9

<sup>27</sup> Wawancara dengan ahli tarannum Wan Zulkifli Wan Isma'il pada 24/03/2003

<sup>28</sup> Untuk keterangan lanjut mengenai jenis-jenis lagu sila rujuk Khadijatus Shalihah (1983), *Perkembangan Seni Baca al-Qur'an dan Qira'at Tujuh di Indonesia*, Jakarta : Pustaka al-Husna, h. 44. Lihat juga M. Misbachul Munir (1997), *Pedoman Lagu-lagu Tilawatil Qur'an : Dilengkap dengan Tajwid dan Qasidah*, Surabaya : Apollo, cet. 3, h. 26

4. *Nahāwand*

5. *Hijāz*

6. *Saba*

7. *Jiharkah*

;

Penulis tidak bersetuju dengan segelintir qari yang berlagu tanpa memikirkan hukum tajwid terutama yang berkaitan dengan hukum *mad* dan *idghām* sehingga melebihi kadar yang dibenarkan.

## 2.2

### Ilmu Qira'at Sebagai Satu Ilmu Bacaan al-Qur'an

Ilmu qira'at merupakan satu ilmu yang masih lagi baru dan asing bagi masyarakat di Malaysia. Umumnya masyarakat di Malaysia hanya mengenali dan mengetahui satu bacaan sahaja iaitu *Riwāyāt Ḥafṣ 'an 'Āsim*.

#### 2.2.1 Definisi *Qirā'at*

##### 2.2.1.1 Daripada Segi Bahasa

*Qirā'āt* adalah kata jamak bagi perkataan *qirā'ah* yang merupakan *māṣdar* kepada perkataan *qara'a*. Menurut *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsi*, qira'at bermaksud bentuk-bentuk bacaan al-Qur'an 'al-*Qirā'āt al-Sab'29*

Manakala kamus *al-Mu'jam al-Wasīl* mengatakan bahawa ia adalah *māṣdar* kepada perkataan *qara'a* (قراءة) sama seperti *qur'ān* yang bermaksud

<sup>29</sup> Prof. Dr. Ahmad Mukhtār 'Umar et. al. (t.t), *op. cit.*, h.975

membaca, samada bacaan secara kuat atau senyap. Pengarang memberikan maksud (*qur'ānah*) dalam ayat (فَإِذَا قَرَأْتُهُ فَاتَّسِعْ قَرْعَاتُهُ )<sup>30</sup> sebagai *qirā'atih* iaitu bacaannya.<sup>31</sup>

3

### 2.2.1.2 Daripada Segi Istilah

Sekiranya ia disandarkan kepada salah seorang *Qurrā'* terkemuka maka ia bermaksud *manhaj* tertentu bagi imam atau qari tersebut dari segi *talaqqi* dan bacaan atau dari segi *farsy al-ḥurūf*. Contoh : Qirā'āt Ibn Mas'ūd, Qirā'āt Ubayy dan Qirā'āt Zayd bin Thābit.<sup>32</sup>

Takrif *qirā'āt* yang paling jelas ialah ia merupakan satu ilmu tentang cara untuk membaca kalimah-kalimah atau perkataan-perkataan yang ada di dalam al-Qur'an berserta perbezaannya dengan menyandarkannya kepada imam atau qari yang meriwayatkannya.<sup>33</sup> Contoh : Qirā'āt al-Imām Nāfi', Qirā'āt al-Imām 'Āsim dan Qirā'āt al-Imām Ijāzah. Penulis berpendapat 'Abd al-Fattāh al-Qādī lebih cermat dalam memberikan definisi kerana beliau bukan hanya menyebut tentang unsur *khilāf* bahkan unsur persamaan juga ditambah dalam takrif tersebut.<sup>34</sup>

<sup>30</sup> Surah al-Qiyamah : 18

<sup>31</sup> Ibrāhīm Muṣṭafā et. al (1985), *op.cit.*, h.750

<sup>32</sup> Dr. Muhammad al-Jabsy (1999), *Al-Qirā'āt al-Mutawātirah wa Atharuha fi al-Rasm al-Qur'ānī wa al-Āhkām al-Syar'iyyah*, Damsyik : Dār al-Fikr, h. 32

<sup>33</sup> Muhammad bin Muhammad al-Jazarī (1980). *Munjid al-Mugri 'in wa Mursyid al-Tālibīn*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 3

<sup>34</sup> 'Abd al-Fattāh al-Qādī (1955). *Al-Budūr al-Zāhirah fi al-Qirā'āt al-'Asyr al-Mutawātirah min Tariq al-Syātiyyah wa al-Durrah*, Mesir : Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awladuh, h. 5

Mannā' al-Qaṭṭān mendefinisikannya sebagai satu daripada kaedah untuk membaca al-Qur'an yang dipegang oleh seseorang imam *qira'at* yang mana kaedah ini berbeza dengan yang lain.<sup>35</sup>

3

Muhammad Sālim Muḥayṣin dalam membezakan antara *qirā'ah*, *riwāyah* dan *turuq* menyatakan bahawa *qira'at* ialah setiap *khilāf* yang dinisbahkan kepada seseorang daripada imam sepuluh yang disepakati oleh kedua-dua *rawinya*.<sup>36</sup>

Kesimpulannya *qira'at* bermaksud semua perkara yang berkaitan dengan cara menyebut perkataan-perkataan atau kalimah-kalimah al-Qur'an dan bagaimana untuk membacanya samada pada tempat yang disepakati atau *khilāf serta* merujuk kepada periyatnya.

## 2.2.2 Sejarah perkembangan ilmu *Qira'at*

### 2.2.2.1 Perkembangan *qira'at* pada zaman Rasulullah s.a.w.

Wahyu pertama yang diterima oleh Rasulullah ialah surah al-'Alaq, dari ayat 1 – 5. Seterusnya baginda menerima perintah supaya mula menyampaikan ajaran Islam melalui surah al-Muddaththir ayat 1 – 5. Rasulullah mengajar al-Qur'an kepada para sahabat sama seperti yang diajarkan Jibrīl 'Alayhi al-Salām kepada baginda.<sup>37</sup>

<sup>35</sup> Mannā' al-Qaṭṭān (1988), *op. cit.*, h. 170

<sup>36</sup> Dr. Muhammad Sālim Muḥayṣin (1997), *op. cit.*, h. 13. Lihat juga Ahmad Maḥmūd 'Abd al-Samī' al-Ḥafayān (2001), *op.cit.*, h. 155

<sup>37</sup> Muhammad b. Ismā'īl Abu 'Abd Allāh al-Bukhārī (1994), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb Faḍā'il al-Qur'añ, Bāb Unzila al-Qur'añ 'ala Sab'ati Ahruf. no. hadith 4992

Rasulullah s.a.w sentiasa bertadarus dan membentangkan bacaan al-Qur'an kepada Jibril setahun sekali, kecuali pada tahun terakhir sebelum baginda wafat baginda membentangkannya sebanyak dua kali.<sup>38</sup>

Dalam tempoh Rasulullah s.a.w menerima wahyu dan mengajarnya kepada para sahabat sebagaimana ia diturunkan, tidak didapati sebarang perselisihan kecuali pertelingkahan antara 'Umar bin al-Khaṭṭāb dan Hisyām bin Ḥakīm bin Ḥizām mengenai surah al-Furqān (Makkiah).<sup>39</sup>

Penulis berpendapat bahawa peristiwa ini tidak berlaku kecuali setelah turunnya arahan yang dibawa oleh Jibril supaya Rasulullah s.a.w membaca dan mengajar al-Qur'an kepada umatnya dengan satu *ḥurūf*<sup>40</sup> sahaja. Rasulullah s.a.w kemudiannya meminta agar diringankan arahan tersebut sehingga Jibril menetapkan supaya ia boleh dibaca dengan tujuh *ḥurūf* (*sab'ah aḥrūf*).<sup>41</sup>

Hadis ini merupakan titik permulaan berlakunya keharusan bacaan al-Qur'an dengan pelbagai qira'at yang dibenarkan asalkan di dalam *sab'ah aḥrūf*. Penulis berpendapat oleh kerana hadis ini berlaku di *'Adāh Banī Ghifār*, satu kawasan air berhampiran Madinah<sup>42</sup> dan satu peristiwa

<sup>38</sup> Sahīh al-Bukhārī, Bāb Kāna Jibrīl Ya'nīdu al-Qur'ān 'ala al-Nabiyy Sallallāhu 'Alayhi Wa Sallam, no. hadith. 4998, *op.cit.*

<sup>39</sup> Dr.al-Sayyid Rizq al-Tawīl (1985), *Fi 'Ulūm al-Qirā'āt*, Makkah : Maktabah al-Fayṣaliyyah, h. 34

<sup>40</sup> Rujuk glosari

<sup>41</sup> Muslim bin al-Hajjāj, Sahīh Muslim. Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn wa Qasriha, Bab al-Qur'an 'ala Sab'ati Aḥrūf, no. hadith 821

<sup>42</sup> Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Zarqānī (1996), *Mañāhil Irfān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Arabī, Juz. 1, cet. 2, h. 121

lagi berlaku juga di Madinah iaitu di *Aḥjār al-Mirā*<sup>43</sup> serta disokong oleh sebuah lagi hadis yang diriwayatkan oleh al-Muslim bahawa peristiwa yang berkaitan berlaku di masjid. Sebagaimana yang diketahui masjid hanya didirikan oleh Rasulullah setelah baginda berhijrah ke Madinah maka kemungkinan besar qira'at bermula di Madinah. Ini bertepatan dengan kelonggaran yang diberikan dapat dilihat berlaku di Madinah setelah masyarakat dari pelbagai bangsa dengan bermacam bahasa menganut Islam. Sesetengah dari mereka merasakan susah untuk membaca al-Qur'an kerana lidah mereka tidak biasa menyebut perkataan-perkataan Arab.

Namun begitu ada ulama seperti Muḥammad Sālim Muḥayyin yang mengatakan ianya bermula di Makkah bersama turunnya al-Qur'an. Antara sebabnya ialah kerana kebanyakan surah adalah *Makki* dan qira'at juga wujud dalam surah Makkiah maka ini menunjukkan bahawa qira'at turun di Makkah bersama-sama turunnya al-Qur'an cuma kesannya tidak berlaku kecuali setelah berlaku pertentangan dari segi bacaan.<sup>44</sup>

#### 2.2.2.2 Antara sahabat Nabi yang terkemuka dalam bacaan al-Qur'an.

Para sahabat Rasulullah s.a.w amat gigih dalam mempelajari dan menjaga al-Qur'an. Ada di kalangan para sahabat yang mempelajari

<sup>43</sup> Dr. 'Abduh al-Rājibī (1999), *al-Lahajāt al-'Arabiyyah fi al-Qirā'at al-Qur'āniyyah*. Riyadhdh, Maktabah al-Ma'ārif, h. 83.

<sup>44</sup> Dr. Muḥammad Sālim Muḥayyin (1989), *Fi Rihāb al-Qur'ān al-Karīm*, Beirut : Dar al-Jayl, j. 1, h.233-234

qira'at daripada Rasulullah s.a.w dalam satu *huriūf*, ada yang belajar dua *huriūf* dan ada yang lebih dari dua *huriūf* menurut tahap masing-masing.<sup>45</sup>

Para sahabat ini kemudiannya berhijrah ke serata tempat dengan membawa mesej Islam dan mengajar mereka mempelajari al-Qur'an.

Antara sahabat-sahabat terkemuka di dalam bacaan al-Qur'an ialah :

### 1. 'Uthmān bin 'Affān

Beliau merupakan khalifah yang ketiga dan merupakan salah seorang yang terawal memeluk agama Islam. Beliau mempunyai ramai murid. Antara yang masyhur ialah al-Mughīrah bin Abi Syihāb al-Makhzūmī.

### 2. 'Alī bin Abi Tālib

Beliau adalah khalifah yang keempat dan merupakan kanak-kanak pertama memeluk agama Islam. Beliau juga adalah salah seorang dari sepuluh orang yang dijamin Allah masuk syurga. Antara muridnya ialah Abu 'Abd al-Rahmān al-Sulamī, Abu al-Aswad al-Du'alī dan 'Abd al-Rahmān bin Abi Laylā

### 3. Ubayy bin Ka'b

Beliau adalah antara sahabat yang terkemuka, seorang penulis wahyu dan beliau sempat khatam menghafaz al-Qur'an semasa hayat

<sup>45</sup> Dr. Sya'bān Muhammad Ismā'il (1990). *All-Qirā'at Akhāmuha wa Maṣdaruhā*, Kaherah : Dār al-Salām. c. 2. h. 49

Rasulullāh s.a.w. Antara muridnya ialah ‘Abd Allāh bin ‘Abbās, Abu Hurayrah dan Abu ‘Abd al-Rahmān al-Sulamī.

#### 4. Zayd bin Thābit al-Anṣārī

Beliau merupakan salah seorang penulis wahyu dan beliau terlibat dalam mengumpulkan al-Qur'an pada pemerintahan dua khalifah iaitu Abu Bakar dan ‘Uthmān. Antara muridnya ialah Abu Hurayrah, ‘Abd Allāh bin ‘Abbās, ‘Abd Allāh bin ‘Umar dan Anas bin Mālik.

#### 5. ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd

Beliau adalah antara sahabat terkemuka dan antara yang terawal memeluk Islam. Beliau sempat khatam menghafaz al-Qur'an semasa hayat Rasulullah s.a.w. Antara muridnya ialah ‘Alqamah bin Qays, Al-Aswad bin Yazīd al-Nakhā'ī, Masrūq bin al-Ajda' dan Abu ‘Abd Al-Rahmān al-Sulamī.

#### 6. Abu Mūsā al-Asy‘arī

Beliau adalah antara sahabat yang terkemuka dan mempunyai suara yang paling baik dalam bacaan al-Qur'an. Antara muridnya ialah Sa‘īd bin Musayyib, Hītān al-Raqāsyī dan Abu Rajā' al-‘Uṭāridī

#### 2.2.2.3 Antara tabi'in yang terkemuka dalam bacaan al-Qur'an.

Para tabi'in telah menyambung tugas para sahabat menyebarkan Islam dan mengajar al-Qur'an di setiap wilayah yang dikunjungi dengan

menggunakan mushaf yang dibawa oleh mereka seperti mushaf Syam, mushaf Madinah dan sebagainya.

Antara tabi'in yang terkemuka di dalam bacaan al-Qur'an ialah :

1. Di Madinah :

Antaranya ialah Ibn al-Musayyib, 'Urwah bin al-Zubayr, 'Umar bin 'Abd 'Azīz, Sulaymān bin Yasār, Zayd bin Aslam, Ibn Syihāb al-Zuhri, 'Abd al-Rahmān bin Hurmuz dan Mu'ādh bin al-Hārith.

2. Di Makkah :

Antaranya ialah Mujāhid, Ṭāwūs, 'Ikrimah, Ibn Abi Ma'lakah dan 'Ubayd bin 'Umayr

3. Di Basrah :

Antaranya ialah 'Āmir bin 'Abd al-Qays, Abu al-'Āliyah, Naṣr bin 'Āsim, Yaḥyā bin Ya'mur, Jābir bin al-Ḥasan dan Ibn Sīrīn.

4. Di Kufah :

Antaranya ialah 'Alqamah bin Qays al-Nakhā'ī, Abu 'Abd al-Rahmān al-Sulamī, al-Aswad bin Zayd al-Nakhā'ī, Sa'īd bin Jubayr, 'Umar bin Syuraḥbīl, 'Amr bin Maymūn dan al-Hārith bin Qays.

5. Di Syam :

Antaranya ialah al-Mughīrah bin Abi Syihāb al-Makhzūmī, Abu al-Dardā' dan Khālid bin Sa'īd.

Antara *qurra'* terkemuka selepas tabi'in<sup>46</sup> ialah :

1. Di Madinah :

Abu Ja'far Yazīd bin al-Qa'qā', Syaybah bin Niṣāḥ dan Nāfi' bin Abi Nu'aym.

2. Di Makkah :

'Abd Allāh bin Kathīr, Ḥumaid bin Qays al-A'rāj dan Muḥammad bin Muḥayyin.

3. Di Kufah :

Yahyā bin Withāb, 'Āsim bin Abī al-Najūd, Sulaymān al-A'masy, Hamzah dan al-Kisā'ī

4. Di Basrah :

'Abd Allāh bin Abī Ishāq al-Haḍramī, 'Īsā bin 'Umar al-Thaqafī, Abū 'Amr bin al-'Alā', 'Āsim al-Juhdarī dan Ya 'qūb al-Haḍramī.

5. Di Syam :

'Abd Allāh bin 'Āmir, 'Aṭīyyah bin Qays al-Kullābī, Yahyā bin al-Ḥārith al-Zimārī dan Syurayh bin Yazīd al-Haḍramī.

<sup>46</sup> Muḥammad bin 'Umar bin Sālim Bazmul (1996). *Al-Qirā'at wa Atharuha fī al-Tafsīr wa al-Abkām*, Riyad : Dār al-Hijrah, h. 91 -94

#### 2.2.2.4 Zaman pembukuan qira'at

Perkembangan qira'at adalah melalui dua peringkat :

1. Diterima secara *talaqqi* atau *musyāfahah* atau *riwāyah*
2. Diterima secara *talaqqi* dan *riwāyah* dari kitab

Kesemuanya adalah *mutawatir* dan *sanadnya* bersambung hingga kepada Rasulullah s.a.w.

Peringkat pembukuan juga dalam dua peringkat :

1. Ditulis di dalam kitab *'ulum al-Qur'an* atau tafsir atau hadis atau nahu.
2. Ditulis secara berasingan dari kitab ilmu lain dalam bentuk :
  - i. Satu-satu imam qira'at
  - ii. Semua imam qira'at
  - iii. *Tawjih* atau alasan dalam *qira'at*

*Qira'at sepuluh* dinisbahkan kepada sepuluh orang imam. Ini disebabkan setelah berlakunya percampuran antara riwayat sahih dan *syadhdh*, para *qurra'* bersepakat menentukan tiga kriteria untuk *qira'at sahihah*. Oleh kerana para imam sepuluh ini menepati syarat yang dikenakan nama mereka diketengahkan.<sup>47</sup> Nama *al-qirā'āt al-sab'* hanya diketahui selepas diperkenalkan oleh Ibn Mujāhid dalam kitabnya *al-Sab'ah* pada awal kurun ke empat.<sup>48</sup> Sementara itu *al-Qirā'āt al-'Asyr*

<sup>47</sup> Dr. Muhammad al-Habsy (1996), *op.cit.*, h. h. 61

<sup>48</sup> Muhammad bin Muhammad al-Jazārī (1980), *op. cit.*, h. 27

diperkenalkan oleh Ibn al-Jazarī (M 833 H) dalam kitabnya *al-Nasyr fī Al-Qirā'āt al-'Asyr*.

### 2.2.3 Jenis-jenis qira'at :

Ibn al-Jazarī (833 H) membahagikannya kepada empat<sup>49</sup>

- i. Qira'at yang menepati 3 syarat rukun *qira'at sahihah* maka ia adalah *mutawatir* termasuk *qira'at sepuluh*.
- ii. Qira'at yang menepati bahasa Arab dan *rasm Uthmānī* tetapi dari segi *sanadnya* tidak sampai *darjah mutawatir* iaitu *masyhur*.
- iii. Qira'at yang menepati bahasa Arab serta *sanadnya* sahib tetapi menyalahi *rasm Uthmānī*. Qira'at ini dikenali dengan *syadh*.
- iv. Qira'at yang menepati bahasa Arab dan *rasm* atau salah satu daripadanya tanpa *sanad*. Ia tidak dikategorikan dalam *syadh* tetapi *makdhubah* yang bermaksud pendustaan atau penipuan.

Al-Qastallānī (923 H) pula membahagikannya kepada tiga<sup>50</sup>:

1. Yang disepakati ia *mutawatir* – iaitu *Qirā'āt Sab 'ah*
2. Yang *dikhilāfi* ia *mutawatir* – iaitu tiga qira'at selepas tujuh qira'at di dalam *Qirā'āt 'Asyarah*.
3. Yang disepakati ia *syadh* – iaitu empat qira'at selepas sepuluh qira'at di dalam *Qirā'āt 'Asyarah* iaitu dari 14 qira'at yang ada.

<sup>49</sup> *Ibid.*, h.15 - 17

<sup>50</sup> Syihāb al-Dīn Al-Qastallānī (1972). *Laṭā'iif al-Isyārāt li Fumūn al-Qirā'āt*, Kaherah : Lujnah al-Turāth al-Islāmī, j. 1, h.170

Mannā' al-Qaṭṭān mengklasifikasikannya dengan lebih terperinci menjadikannya enam jenis.<sup>51</sup>

1. *Mutawatir* : ialah qira'at yang diriwayatkan oleh sekumpulan perawi yang tidak mungkin melakukan pendustaan dalam periwatan mereka dan begitu juga dalam semua peringkat perawi hingga sampai kepada Rasulullah s.a.w.

2. *Masyhur* : ia menepati syarat qira'at yang *sahih* cuma sanadnya tidak mencapai darjat *mutawatir* iaitu *masyhur*.

3. *Āḥād* : sanadnya *sahih* dan salah satu atau kedua-dua rukun lain seperti *rasm* dan bahasa Arab tidak menepati syarat.

4. *Syadh* : qira'at yang tidak sahih sanadnya.

5. *Mawḍū'* : qira'at yang tiada sumber asal.

6. *Mudraj* : merupakan tambahan kepada qira'at dalam bentuk tafsir.

Jenis qira'at yang boleh dibaca ialah *mutawatir* dan *masyhur*<sup>52</sup> sahaja .

Kesimpulannya walaupun ada ulama mengatakan tiga qira'at pelengkap bagi *Qirā'āt 'Asyarah Sughrā* tergolong di dalam *masyhur* (bukan *mutawatir*) tetapi ia tetap diterima oleh umat dan dibaca secara *ijma'* sehingga ke hari ini. Ulama yang mengatakan tiga qira'at tadi adalah *mutawatir* pula bukan sedikit antaranya ialah al-Jazarī.<sup>53</sup> Secara umum apa yang sering kita dengar pada zaman mutakhir ini seolah-olah qira'at itu ada dua jenis sahaja iaitu qira'at yang sahih (tujuh atau sepuluh) dan *syadh* tanpa memikirkan secara terperinci jenis-jenisnya. -

<sup>51</sup> Mannā' al-Qaṭṭān (1988), *op.cit*, h. 178-179, Lihat juga Muhammad 'Abd al-'Azīz al-Zarqānī, *op.cit*, j.1, c. 8, h. 340-350

<sup>52</sup> Bagi mereka yang berpendapat 3 qira'at yang terkandung di dalam kitab *al-Durrāh al-Mudi'ah* sebagai *masyhur*.

<sup>53</sup> Muhammad bin Muhammed al-Jazarī (1980), *op.cit.*, h. 15

## 2.2.4 Pembahagian qira'at *mutawatirah* dan biodata imam-imam

### i. *Al-Qirā'āt al-Mutawātirah*

*Al-Qirā'āt al-Mutawātirah* ialah qira'at yang menepati ketiga-tiga syarat *qirā'ah saḥīḥah* seperti berikut :

1. *Sanad* yang bersambung
2. Menepati *Rasm Uthmani*<sup>54</sup>
3. Menepati salah satu dari bentuk laras bahasa Arab.

*Qira'at mutawatir* yang telah menepati ketiga-tiga syarat ini ialah :

- a) *Qirā'āt Sab'ah* : ia diriwayatkan oleh Abū 'Amr al-Dānī di dalam kitabnya *al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab'*. Kitab ini telah disusun dalam bentuk syair oleh al-Qāsim bin Fīruh bin Khalaf bin Alḥmad al-Syāṭibī dalam kitab yang dinamakan *Hirz al-Amānī wa Wajhu al-Tahānī fī al-Qirā'āt al-Sab'*. Kitab ini lebih dikenali dengan al-Syatibiyah.

Nama-nama imam dan rawi<sup>55</sup>

Bagi setiap imam ini mempunyai dua orang rawi. Mereka ialah :

1. Nāfi' al-Madanī

Nāfi' bin 'Abd al-Rahmān bin Abī Nu'aym (70 - 169 H)

Rawi -

---

<sup>54</sup>Rujuk glosari

<sup>55</sup> Muhammad Fahd Kharūf (1995). *Al-Muyassar fī al-Qirā'āt al-Arba'ah 'Asyrah*. Damsyik : Dār Ibn Kathīr, h. ۲ & ۳

- i. Qālūn - ‘Īsā bin Mīnā (120 -220 H)
- ii. Warsy - ‘Uthmān bin Sa‘īd (110 - 197 H)

2. Ibn Kathīr al-Makkī

‘Abd Allāh bin Kathīr (45 - 120 H)

Rawi -

- i. Al-Bazzī - Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Abd Allāh (170 - 250 H)
- ii. Qunbul - Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān (165 - 291 H)

3. Abū ‘Amr bin al-‘Alā’

Zabbān bin al-‘Alā’ (68 - 154 H)

Rawi -

- i. Ḥafṣ al-Dūrī - Ḥafṣ bin ‘Umar bin ‘Abd ‘Azīz (M 246 H)
- ii. Al-Sūsī - Ṣalīḥ bin Ziyād (M 261 H)

4. Ibn ‘Āmir al-Dimasyqī

‘Abd Allāh bin ‘Āmir (8 - 118 H)

Rawi -

- i. Hisyām bin ‘Ammār (153 - 245 H)
- ii. Ibn Zakwān - ‘Abd Allāh bin Aḥmad (173 - 242 H)

5. ‘Āşim bin Abī al-Najūd al-Kūfī (M 127 H)

Rawi -

- i. Syu‘bah - Abū Bakr bin ‘Ayyāsy (95 - 193 H)
- ii. Ḥafṣ bin Sulaymān (90 - 180 H)

6. Hamzah bin Ḥabīb al-Zayyāt (80 - 156 H)

Rawi -

- i. Khalaf bin Hisyām (150 - 229 H)
- ii. Khallād bin Khālid (M 220 H)  
⋮

7. Al-Kisā'ī

'Alī bin Hamzah (119 - 189 H)

Rawi -

- i. Abū al-Ḥārith - al-Layth bin Khālid (M 240 H)
- ii. Ḥafṣ al-Dūrī

b) *Qirā'āt 'Asyarah Sughrā* :

Ia adalah gabungan *Qirā'āt Sab'ah* dan tiga lagi qira'at yang diriwayatkan oleh Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Jazarī di dalam kitabnya *Talḥīb al-Taysīr*. Ibn al-Jazarī kemudian menyusun semula kitab ini dalam bentuk syair yang dinamakan *al-Durrāh al-Mudiyyah fī al-Qirā'āt al-Thalāth al-Mutammimah li al-'Asyarah*.

Imam serta rawi bagi ketiga-ketiga qira'at tersebut ialah

1. Abū Ja'far Yazīd bin al-Qa'qā' (M 130 H)

Rawi -

- i. 'Isā bin Wardān (M 160 H)
- ii. Ibn Jammāz - Sulaymān bin Muslim bin Jammāz (M 171 H)

2. Ya‘qūb al-Ḥaḍramī

Ya‘qūb bin Ishāq bin Zayd (117 - 205 H)

Rawi -

- i. Ruways - Muḥammad bin al-Mutawakkil (M 238 H)
- ii. Rawḥ bin ‘Abd al-Mu’min (M 234 H)

3. Khalaf bin Hisyām al-Bazzār (rawi imam Hamzah)

Rawi -

- i. Ishāq al-Warrāq - (M 286 H)
- ii. Idrīs al-Ḥaddād - Abu al-Ḥasan bin ‘Abd al-Karīm (189 - 292 H)

c) *Qirā'at 'Asyarah Kubrā*

Qira‘at ini diriwayatkan di dalam kitab *al-Nasyr fī Qirā'at al-'Asyr* oleh Ibn al-Jazarī. Kitab ini adalah hasil himpunan 63 buah kitab *qira‘at* yang telah sempat dibaca dan diterima secara *talaqqi* dari guru-gurunya. Beliau tidak memuatkan di dalam kitab ini *qira‘at* selain sepuluh yang disebutkan. *Turuq* yang lemah dan diragui juga diasingkan. Kitab ini kemudiannya disusun semula dalam bentuk syair dan dinamakan *Tayyibah al-Nasyr fī al-Qirā'at al-'Asyr*.

Ketiga-tiga istilah di atas adalah istilah yang baru digunakan dan tidak pernah dikenali pada zaman permulaan -turun al-Qur‘an atau pada zaman Rasulullah s.a.w. Ia hanya dikenali dengan istilah tersebut setelah disusun semula dan dibukukan oleh Abū ‘Ubayd al-Qāsim bin Sallām (M:224H)<sup>56</sup>. Dr. Sya‘bān

<sup>56</sup> Muḥammad bin Muḥammad Ibn al-Jazarī (t.t). *Al-Nasyr fī Qirā'at al-'Asyr*. Beirut : Dār al-Kitāb al-'Arabi, j.1, h.34

Muhammad Ismā'īl pula mengatakan bahawa ada orang yang lebih awal dari Abū 'Ubayd dalam menulis kitab qira'at iaitu Yahya bin Ya'mar (M:90H)<sup>57</sup>

Imam-imam dan rawi-rawi bagi qira'at ini adalah sama seperti yang terdapat di dalam *Qirā'at 'Asyarah Sughrā*. Perbezaan hanya terdapat pada *turuq* sanadnya sahaja.

### 2.3 Pengenalan Qira'at Nāfi'

Qirā'at Nāfi' adalah qira'at yang pertama mengikut susunan tertib qira'at. Rangkaian sanadnya adalah mutawatir pada setiap peringkat.<sup>58</sup> Ia menjadi bacaan kepada kebanyakan orang di beberapa buah negara Arab seperti Syria, Jordan, Libya, Sudan, Mesir, Algeria dan lain-lain lagi. Qira'at ini adalah yang kedua termasyhur selepas *Riwāyat Ḥafṣ 'an 'Aṣim*. Ini dapat dibuktikan dengan banyaknya mushaf yang dicetak dalam *Riwāyat Qālūn*<sup>59</sup> dan *Riwāyat Warsy*<sup>60</sup> tidak seperti qira'at lain.

Qirā'at Nāfi' ini juga tidak kurang masyhurnya di Malaysia terutama di negeri Kelantan. Ini dapat dilihat melalui kelas-kelas pengajian Nāfi' yang wujud di Kelantan sejak tahun 50-an lagi.<sup>61</sup>

<sup>57</sup> Dr. Sya'bān Muhammad Ismā'īl (1990), *op.cit.*, h.113-114

<sup>58</sup> Abd al-Fattāḥ al-Qādī (1998). *Tārīkh al-Qurrā' al-'Asyarah wa Ruwātuhum wa Tawātur Qirā'atihim wa Manhaj Kullin fi al-Qirā'ah*, Kaherah : Maktabah al-Qāhirah, h.9

<sup>59</sup> *Mushaf al-Jamāhīriyyah bi Riwayah al-Imām Qālūn*, Tarablus : Jam'iyyah al-Da'wah al-Islāmiyyah al-Ālamiyah.

<sup>60</sup> Al-Qur'ān al-Karīm bi Riwayah Warsy 'an al-Imām Nāfi' (*Mushaf al-Madīnah al-Nabawiyah*), Madīnah : Mujamma' Khādim al-Haramayn al-Syarifayn al-Malik Fahd Li Tibā'ah al-Mushaf al-Syarīf

<sup>61</sup> Temubual penulis dengan Hj. 'Abdullah al-Qari bin Hj. Salleh pada 1.4.2003

### 2.3.1 Nāfi<sup>62</sup>

Beliau ialah Nāfi' bin 'Abd al-Rahmān bin Abī Nu'aym. *Kunya*nya ialah Abū Ruwaym. Sesetengah pendapat mengatakan *kunya*nya ialah Abū al-Hasan dan ada yang mengatakan Abū 'Abd al-Rahmān. Beliau adalah salah seorang daripada imam qira'at yang tujuh. Berasal dari Aṣbahān. Seorang yang baik budi pekertinya dan suka berseloroh. Telah bertalaqqi daripada 70 orang tabi'in termasuk Abū Ja'far Syaybah bin Niṣāḥ, 'Abd al-Rahmān bin Hurmuz al-A'raj. Beliau dilahirkan pada tahun 70 Hijrah dan merupakan imam para qari di Madinah pada zamannya. Beliau berkhidmat begitu lama dalam mengajar dan memperdengarkan al-Qur'an sehingga Qirā'āt Nāfi' menjadi bacaan penduduk Madinah. Beliau telah menjadi imam di Masjid Nabi selama 60 tahun. Ada riwayat yang mengatakan bahawa apabila dia bercakap mulutnya berbau kasturi. Apabila ditanya adakah beliau memakai wangи-wangian sebelum mengajar al-Qur'an, beliau menafikan dan menjawab bahawa beliau pernah bermimpi Rasulullah s.a.w membaca sesuatu ke dalam mulutnya. Selepas dari itu beliau merasakan mulutnya berbau harum. Antara muridnya ialah Imām Mālik bin Anas, Ismā'il bin Ja'far bin Wardān, 'Isā bin Mīnā dan Muḥammad bin 'Umar al-Wāqidī. Beliau meninggal dunia pada tahun 169 Hijrah. Semasa beliau hampir meninggal dunia, anak-anaknya meminta beliau berwasiat. Lantas beliau membaca surah Al-Anfal ayat pertama bermula dengan " فَاتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تُطِعُونَ " hingga perkataan " مُؤْمِنِينَ "

<sup>62</sup> Abd al-Fattāḥ al-Qādī (1988), *op. cit.* h. 9-10

### 2.3.2 Qälūn

Nama beliau ialah ‘Isā bin Mīnā atau Mīnā’ bin Wardān bin ‘Isā bin ‘Abd al-Šamad. *Kunya*nya ialah Abū Mūsā. Berasal dari Rom. Moyangnya merupakan tawanan Rom semasa pemerintahan ‘Umar al-Khaṭṭāb. *Laqab*nya ialah Qälūn, iaitu berasal dari perkataan Rom yang bermaksud bagus. Gelaran ini diberikan oleh gurunya Nāfi‘. Dilahirkan pada tahun 120 Hijrah.<sup>63</sup>

Beliau sempat khatam bacaannya dengan Nāfi‘ beberapa kali dan dikatakan adalah anak tiri Nāfi‘. Beliau hidup selama 100 tahun dan sempat menggantikan tempat gurunya Nāfi‘. Antara muridnya ialah dua orang anaknya Aḥmad dan Ibrāhīm, Aḥmad bin Yazīd al-Ḥulwānī, Abū Nasyīḥ Muḥammad bin Hārūn dan Aḥmad bin Ṣāliḥ al-Miṣrī. Menurut riwayat, beliau merupakan seorang yang pekak. Beliau mengesan kesalahan muridnya dengan membaca gerak bibir. Ada pendapat mengatakan bahawa beliau tidak dapat mendengar bunyi selain dari bacaan al-Qur'an. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa beliau menjadi pekak semasa sudah tua iaitu selepas beliau belajar qira'at. Beliau meninggal pada tahun 220 H<sup>64</sup>

### 2.3.3 Warsy<sup>65</sup>

Nama beliau ialah ‘Uthmān bin Sa‘īd bin ‘Abd Allāh bin ‘Amr bin Sulaymān bin Ibrāhīm al-Miṣrī. *Kunya*nya Abū Sa‘īd. Gurunya memberikan gelaran Warsy

<sup>63</sup> Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī (1988), *op. cit.*, h. 11-12

<sup>64</sup> Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī (1988), *Ma'rīfah al-Qurrā' al-Kibār 'Ala al-Tabaqāt wa al-Aṣār*, Beirut : Mu'assasah al-Risālah, c. 2, j. 1, h. 155-156

<sup>65</sup> Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī (1998), *op. cit.*, h. 12

(sejenis burung seperti burung merpati) kerana badannya yang rendah dan beliau gemar memakai pakaian yang singkat, apabila berjalan beliau kelihatan seperti berjalannya burung itu. Ada juga yang menyatakan bahawa *warsy* bermaksud sejenis masakan yang dibuat daripada susu. Perkataan ini digunakan adalah kerana kulitnya yang putih menyamai warna susu.

Beliau dilahirkan pada tahun 110H di Qaft, Sa'īd, Mesir tetapi beliau sebenarnya berasal dari al-Qayrawan. Beliau telah berhijrah ke Madinah untuk menemui Imām Nāfi' dan sempat khatam al-Qur'an beberapa kali pada tahun 155H.

Beliau telah mencapai kemuncak kecemerlangannya apabila seluruh Mesir meletakkan beliau di tempat teratas di kalangan ahli qira'at atau *qurra'* di Mesir pada zamannya.

Warsy meninggal dunia di Mesir pada zaman pemerintahan Al-Ma'mūn pada tahun 197 ketika berumur 83 tahun.

#### 2.3.4 Sanad Qirā'at Nāfi'

Qirā'at Nāfi' telah diriwayatkan oleh ramai orang dan melalui pelbagai peringkat. Peringkat pertama diriwayatkan oleh Qālūn dan Warsy diikuti oleh generasi kedua dan seterusnya ketiga sehingga ia bercambah dalam bentuk *turuq* yang begitu banyak. Antara *tarīq* yang termasyhur ialah sebagaimana yang dikumpulkan oleh Abū 'Amr al-Dānī di dalam kitabnya *al-Taysīr fi al-Qirā'at al-*

*Sab'* yang kemudiannya disusun semula dalam bentuk syair oleh al-Imām al-Syātibī.<sup>66</sup>

Imām al-Syātibī telah belajar qira'at secara *talaqqi* daripada Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Hudhayl daripada Abū Dāwūd Sulaymān bin Najāḥ. Al-Syātibī juga pernah bertalaqqi dari Abu ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin al-‘Āṣṭ al-Nafzī daripada Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ḥasan daripada ‘Alī bin ‘Abd Allāh al-Anṣārī. Kedua-dua Sulaymān bin Najāḥ dan al-Anṣārī telah *talaqqi* daripada Abū ‘Amr al-Dānī<sup>67</sup>.

Al-Dānī pula bertalaqqi Riwayāt Qālūn daripada Abū al-Fath Fāris bin Aḥmad bin Mūsā daripada Abū al-Ḥasan ‘Abd al-Bāqī bin Al-Ḥasan daripada Ibrāhīm bin ‘Umar al-Muqrī’ daripada Abū al-Ḥusayn Aḥmad bin ‘Uthmān bin Ja’far bin Büyān daripada Abū Bakr Aḥmad bin Muḥammad bin al-Asy’ath daripada Abū Nasyīt Muḥammad bin Hārūn daripada Qālūn daripada Nāfi’.

Riwayāt Warsy diterima oleh al-Dānī daripada Abū al-Qāsim bin Khalaf bin Muḥammad bin Khāqān daripada Abū Ja’far Aḥmad bin Usāmah al-Tujībī daripada Ismā’īl bin ‘Abd Allāh al-Nahhās daripada Abū Ya’qūb Yūsuf bin ‘Amr bin Yasār al-Azraq daripada Warsy daripada Nāfi’.<sup>68</sup>

Nāfi’ sendiri bertalaqqi daripada guru-gurunya Abū Ja’far Yazīd bin al-Qa’qā’, Syaybah bin Niṣāḥ, ‘Abd Al-Rahmān bin Hurmuz al-A’raj, Muslim bin

<sup>66</sup> *Tariq* inilah yang akan digunakan oleh penulis dalam kajianya.

<sup>67</sup> ‘Alī bin ‘Uthmān bin Muḥammad bin Ahmad bin al-Ḥasan al-Qāṣīh (1981), *Širāj al-Qāri’ al-Mubtadi’ wa Tidhkār al-Mugrī’ al-Muntahī*, Beirut : Dār al-Fikr, h.3-4

<sup>68</sup> ‘Uthmān bin Sa’īd al-Dānī (1996). *al-Taysīr fi al-Qirā’āt al-Sab’*, Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah , h. 21- 22

Jundab dan Yazīd bin Rūmān. Kesemua mereka berguru dengan ‘Abd Allāh bin ‘Abbās bin ‘Abd al-Muṭṭalib, Abu Hurayrah dan ‘Abd Allāh bin Abī Rabī‘ah. Ketiga-tiga sahabat ini berguru dengan Ubayy bin Ka‘ab daripada Rasulullāh Sallāhu ‘Alayhi Wa Sallām.

Penulis amat bersyukur kerana sempat berguru ataú membaca Qirā’āt Nāfi‘ berdasarkan *qirā’āt sab’ah* melalui *Tarīq* ini ketika penulis belajar Diploma Qirā’āt dan Tajwīd di University of Jordan. *Tarīq* ini diterima melalui guru kami al-Syeikh Dr. Aḥmad Khālid Syukrī yang sempat berguru dengan guru beliau al-Syeikh Maḥmūd ‘Abd al-Khāliq Jādū semasa beliau belajar di Universiti Islam Madinah, Arab Saudi.

### 2.3.5 Karya-karya dalam Qirā’āt Nāfi‘

1. *Al-Taqrīb wa al-Hawāsyī li Qirā’ah Qālūn wa Warsy* – didapati di dalam bentuk manuskrip. Ditulis oleh Abū al-Asbagh ‘Isā bin Muḥammad bin Fatūḥ al-Hāsyimī al-Balansī.
2. *Al-Qaṣīdah al-Huṣāriyyah fī Qirā’ah Nāfi‘* oleh Abū al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Abd Ghānī al-Ḥuṣārī
3. *Bulūgh al-Amānī fī Qirā’ah Warsy min Ṭarīq al-Asbahānī* oleh Syihāb al-Dīn Aḥmad bin Badr al-Dīn Aḥmad al-‘Utbī
4. *Al-Muqarrar al-Nāfi‘ al-Hādī li Qirā’ah Nāfi‘* oleh Jamāl al-Dīn Nāṣir bin ‘Abd al-Ḥāfiẓ bin ‘Abd Allāh al-Yamānī
5. *Mukhtasar Qirā’ah Qālūn ‘an Nāfi‘* oleh Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin As‘ad

6. *Maqra' Nāfi' bin 'Abd al-Rahmān al-Madānī* oleh Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Yūsuf bin Mūsā
7. *Risālah Warsy* oleh Muḥammad bin Aḥmad yang lebih masyhur dengan gelaran al-Mutawallī
8. *al-Nujūm al-Tawālī* 'Alā al-Durrāh al-Lawāmī' fī *Aṣl Maqra' al-Imām Nāfi'* oleh Ibrāhīm bin Aḥmad bin Sulaymān al-Marghinī.
9. *Al-Maṭlūb fī Bayān al-Kalimāt al-Mukhtalaf fiha 'An Abī Ya'* qūb oleh 'Alī bin Muḥammad al-Ḍabbā'
10. *Naẓm Mā Khālafa fīhi Qālūn Warsyan* oleh 'Alī bin Muḥammad al-Ḍabbā'.
11. *Syarḥ Risālah Qālūn* oleh 'Alī al-Ḍabbā'
12. *Al-Tarīq al-Ma'mūn ilā Uṣūl Riwāyah Qālūn min Tarīq Syāṭibiah* oleh Abd al-Fattāḥ al-Sayyid 'Ajmī al-Mirṣafī<sup>69</sup>

---

<sup>69</sup>Muhammad bin 'Umar bin Sālim Bazmūl (1996), *op.cit.*, h. 260 - 264